

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG

TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 95

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu khasnya untuk menghubungkan bandar sekitarnya seperti Penampang, Putatan dan Inanam.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat Kelas Lesen Bas Berhenti-Henti dan Teksi yang menghubungkan ketiga-tiga kawasan yang dinyatakan dalam soalan Yang Berhormat. Di samping itu, perkhidmatan e-hailing juga mudah didapati di dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu yang operasinya boleh menjangkau ke seluruh Sabah. Berikut merupakan statistik lesen aktif yang beroperasi di Kota Kinabalu yang menghubungkan bandar sekitar (termasuk Putatan, Inanam, Penampang dan Tuaran) mengikut kelas lesen:

BIL	KELAS LESEN	JUMLAH
1	Bas Berhenti-henti	296
2	Bas Mini	153
3	Teksi	885
4	Teksi Lapangan Terbang	172
JUMLAH		1,506

2. Selain daripada itu, dalam usaha Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di bandar-bandar utama di Malaysia, Kerajaan akan memanjangkan program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) pada Tahun 2021 ke empat (4) bandar utama di seluruh negara termasuk Kota Kinabalu dengan peruntukan sebanyak RM150 juta seperti yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2021.

Sekian, terima kasih.